

PELAN

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

2023 - 2027



CRM



PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

2023 - 2027

PRAKATA

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management Plan* (CRM) merupakan satu langkah terancang ke arah memperkukuhkan tadbir urus yang baik bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi menerusi penyediaan pelan pengurusan risiko yang sistematik. Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah membangunkan Pelan CRM yang melibatkan pelaksanaan strategi dan pendekatan di Jabatan/Bahagian/Unit di bawah MPS dengan menggariskan cadangan tindakan-tindakan berserta sasaran yang ditetapkan di bawah pelan tindakan CRM tersebut. Usaha penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah Pelan tersebut sentiasa relevan dengan persekitaran MPS khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Jutaan penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada MPS dalam usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus di samping memartabatkan serta membudayakan integriti di organisasi masing-masing.

**Unit Integriti
Majlis Perbandaran Selayang**

PERUTUSAN TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Pelan Pengurusan Risiko Rasuah, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) atau dikenali sebagai "**CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**" yang komprehensif dan inklusif berjaya dibangunkan.

Kesungguhan dan komitmen setiap Jabatan di MPS dalam memastikan ketelusan dan menyampaikan perkhidmatan tidak pernah luntur dan sentiasa diamalkan agar objektif MPS tercapai. MPS sentiasa menjadikan agenda pengukuhan integriti sebagai fokus utama bagi menjadikan MPS salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikenali melalui tahap ketelusan yang tinggi dan bukannya kerana rasuah.

Bagi mencapai hasrat tersebut, pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi mengukuhkan penghayatan dan pengalaman integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Integriti dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) di MPS.

MPS sentiasa menekankan pembudayaan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga kerja MPS disamping sentiasa menyokong seruan Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Negeri Selangor dikenali sebagai negeri yang berintegriti dan bebas rasuah.

Menyedari kepentingan serta usaha pencegahan rasuah, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dibangunkan bertujuan untuk membudayakan dan memperkukuhkan integriti dalam kalangan warga kerja MPS melalui pelaksanaan preventif dan proaktif seperti mana yang digariskan di bawah pelan tersebut. Justeru, dengan adanya Pelan CRM, ini dapat dijadikan sebagai salah satu garis panduan dalam melaksanakan agenda Integriti MPS. Dalam masa yang sama, diharapkan agar semua warga kerja MPS dapat memahami, menghayati, dan menghindari diri daripada perbuatan yang bertentangan dengan kelakuan penjawat awam.

Sekalung budi dan ribuan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam Pembangunan Pelan CRM, MPS ini. Semoga dengan apa yang diusahakan dapat membentuk sahsiah diri warga kerja MPS agar lebih berintegriti pada masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

2

Bab 1 PENGENALAN

- 1.1 Latar Belakang
- 1.2 Visi, Misi, Moto Dan Objektif Majlis Perbandaran Selayang
- 1.3 Carta Organisasi MPS

5-6

6

8

BAB 2 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

- 2.1 Definisi Risiko
- 2.2 Pengurusan Risiko
- 2.3 Pengurusan Risiko Rasuah
- 2.4 Kepentingan CRM
- 2.5 Objektif CRM
- 2.6 Pendekatan CRM
- 2.7 Proses Pengurusan Risiko Rasuah
- 2.8 Alat Pengukuran Pengurusan Risiko Rasuah

10

10

10

10

10

11

11

12-13

BAB 3 CRM MPS 2023-2027

- 3.1 Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Majlis Perbandaran Selayang
- 3.2 Tahap Risiko Rasuah Majlis Perbandaran Selayang
- 3.3 Daftar Risiko Rasuah Jabatan Majlis Perbandaran Selayang
- 3.4 Ringkasan Pengurusan Risiko Majlis Perbandaran Selayang

15

15

16-18

19-24

BAB 4

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH BAGI SETIAP JABATAN/BAHAGIAN/UNIT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

25-46

BAB 1 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

**1.2 VISI, MISI, MOTO DAN OBJEKTIF MAJLIS
PERBANDARAN SELAYANG**

1.3 CARTA ORGANISASI MPS

1.1 LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) terletak di Daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke Negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sebelah barat daya.

Keseluruhan kawasan pentadbiran MPS ialah 545.6 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim iaitu Mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduknya berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 peratus (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5 peratus (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 peratus (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 peratus kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan tadahan hujan dan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam dan Tasik Biru Kundang.

Terdapat 8 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS tanpa menjejaskan kualiti alam sekitar.

1.2 VISI, MISI, MOTO DAN OBJEKTIF MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

MISI

Majlis Perbandaran Selayang Peneraju Pengurusan Cemerlang Ke Arah Perbandaran Mampan.

VISI

Memperkasa Pengurusan Perbandaran Kepada Seluruh Warga Selayang Melalui Perkhidmatan Bertaraf 5 Bintang Ke Arah Pembentukan Komuniti Sejahtera.

MOTO

“MAMPAN, PROGRESIF, SEJAHTERA”


Mampan	Progresif	Sejahtera
Mampu terus berkembang untuk mencapai tahap prestasi yang lebih baik.	Sentiasa bergerak maju ke arah pembaikan dan kemajuan.	Mewujudkan suasana yang aman, harmoni dan selesa.

OBJEKTIF

Objektif MPS merujuk kepada berikut:

- a) Memberi dan meningkatkan perkhidmatan perbandaran;
- b) Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur;
- c) Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang;
- d) Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi;
- e) Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan Majlis sebagai “Kawasan Taman Dalam Bandar”;
- f) Mengeratkan perpaduan di antara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin;
- g) Memainkan peranan di dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik aspek perindustrian, perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan.

CARTA ORGANISASI MPS



BAB 2 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

2.1 DEFINISI RISIKO

2.2 PENGURUSAN RISIKO

2.3 PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

2.4 KEPENTINGAN CRM

2.5 OBJEKTIF CRM

2.6 PENDEKATAN CRM

2.7 PROSES PENGURUSAN RISIKO RASUAH

2.8 ALAT PENGUKURAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

2.0 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

2.1 DEFINISI RISIKO

Risiko ialah kesan yang tidak jelas, tidak menentu (*uncertainty*) kepada pencapaian objektif sesebuah organisasi. Ia juga berkemungkinan berlaku sesuatu peristiwa atau aktiviti yang memberikan kesan sama ada negatif atau positif atau impak (*outcomes*) kepada pencapaian Visi, Misi dan Objektif organisasi. Risiko juga boleh terdedah kepada berlakunya kerugian, kecederaan dan sebagainya atau sesuatu kejadian yg tidak diduga berlaku. Selain itu, risiko juga merupakan sesuatu keadaan di dalam atau di luar organisasi yang berpotensi memberi impak serta menghalang organisasi daripada mencapai objektifnya, menyampaikan perkhidmatannya, melaksanakan atau menjalankan projek dengan sebaiknya.

2.2 PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko didefinisikan sebagai penyelarasan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi risiko. Selain itu, pengurusan risiko merupakan rangka kerja dan proses yang membolehkan organisasi mengurus risiko dengan efektif, efisien, sistematik dan berterusan secara menyeluruh dalam konteks strategik, program, projek dan operasi serta penambahbaikan secara berterusan.

2.3 PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Secara umumnya pengurusan risiko didefinisikan sebagai tindakan atau praktis mengawal risiko dan termasuk merancang risiko, menilai risiko, membangun opsyen menangani risiko, memantau risiko untuk menentukan bagaimana risiko telah berubah, dan mendokumenten keseluruhan program pengurusan risiko.

Berdasarkan definisi tersebut, (*Corruption Risk Management*) (CRM) boleh dikatakan sebagai satu (*management tool*) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dan memastikan bahawa risiko-risiko ini dikenalpasti dan diuruskan dengan berkesan. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah yang dihasilkan daripada CRM dapat mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai-nilai integriti.

2.4 KEPENTINGAN CRM

Antara lima (5) kepentingan CRM adalah seperti berikut:

- i. Kenalpasti, Analisa, kawal, pantau
- ii. Mengukuhkan kerangka kerja pencegahan rasuah
- iii. Meminima impak dan kebarangkalian.
- iv. Menyediakan platform perbincangan
- v. Membantu pencapaian strategi organisasi.

2.5 OBJEKTIF CRM

CRM akan memudahkan pembentukan Pelan Strategik Integriti organisasi kerana boleh digunakan sebagai alat asas pengurusan risiko untuk pencegahan rasuah dan Profil risiko rasuah dibangunkan dan diuruskan secara pendekatan tersusun:


- i. Mengenalpasti risiko
- ii. Pengukuran risiko
- iii. Penilaian kawalan risiko
- iv. Pemantauan risiko

2.6 PENDEKATAN CRM

Pendekatan CRM terhadap pencegahan rasuah amat sesuai kerana ia membantu untuk mengenalpasti kelemahan struktur yang boleh memudahkan rasuah, menyediakan rangka kerja kepada semua kakitangan untuk mengambil bahagian dalam mengenal pasti faktor risiko rasuah dan rawatan dan membudayakan pencegahan rasuah dalam rangka kerja tadbir urus yang mantap. Pendekatan Pengurusan Risiko Rasuah yang diperkenalkan oleh SPRM menggabungkan kaedah pengurusan risiko antarabangsa, ISO 31000:2009.

2.7 PROSES PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Terdapat 10 proses pengurusan risiko yang perlu dilaksanakan oleh setiap organisasi bagi memastikan matlamat strategik organisasi perlu jelas sebelum proses penilaian risiko rasuah dilaksanakan. Aktiviti serta proses kerja utama organisasi/jabatan yang berkaitan dengan matlamat strategik perlu dikenalpasti agar ruang dan peluang berlakunya rasuah berkurangan. Proses penilaian risiko rasuah adalah seperti di Rajah 4.



Rajah 4

2.8 ALAT PENGUKURAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Jadual 4 : Parameter Impak Risiko & Kebarangkalian

PARAMETER IMPAK RISIKO					
Faktor (Factor)	Akibat (Consequences)				
	Tidak Ketara (Insignificant)	Kecil (Minor)	Sederhana (Moderate)	Besar (Major)	Memusnahkan (Catastrophic)
Imej/Reputasi (Image/Reputation)	Tidak menyokong, impak rendah, tidak menjadi berita	Menyokong, impak rendah, berita profil rendah	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, berita profil sederhana	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga	Menyokong, mengaibkan pada orang ramai, penyebaran meluas, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga
Aduan Awam (Public Complaints)	< 5 bulan	6-10 per bulan	11-20 per bulan	21-50 per bulan	>50 per bulan
Perundangan/ Pematuhan (Legal/Compliance)	Denda minima	Denda sederhana	Denda banyak	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah	Pemeriksaan rapi dan penyiasatan besar
Impak Risiko/Usaha Pengurusan (Risk Consequences/ Management effort)	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal	Peristiwa yang merugikan yang mana boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan	Perkara yang serius yang memerlukan usaha tambahan dari pengurusan	Peristiwa yang kritikal yang memerlukan usaha luar biasa dari pengurusan	Malapetaka yang berpotensi kepada kemusnahan/ kejatuhan (collapse)


JADUAL PARAMETER KEBARANGKALIAN	
PENERANGAN	IMPAK(consequences)
HAMPIR PASTI BERLAKU (Almost Certain)	Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh kemungkinan berlaku lebih 95% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
KEMUNGKINAN BERLAKU (Likely)	Peristiwa berkemungkinan berlaku dalam banyak keadaan, contoh berlaku di antara 50% dan 94% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
SEDERHANA (Moderate)	Peristiwa mungkin berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
KEMUNGKINAN KECIL (Unlikely)	Peristiwa boleh berlaku dalam beberapa keadaan, contoh antara 5 % dan 24% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
JARANG (Rare)	Peristiwa mungkin berlaku hanya dalam keadaan luar biasa, contoh di bawah 5% dalam tempoh 12 bulan akan datang.

	Tidak Berkesan (Insignificant)	Kecil (Minor)	Sederhana (Moderate)	Besar (Major)	Kemusnahan (Catastrophic)
Hampir Pasti Berlaku (Almost Certain)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
Kemungkinan Berlaku (Likely)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
Sederhana (Moderate)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
Kemungkinan Berlaku (Unlikely)	Rendah (Low)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)
Jarang (Rare)	Rendah (Low)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)

Jadual 5: Matrik Tahap Risiko

Memuaskan	Kawalan sedia ada, mantap dan beroperasi dengan betul untuk memberikan tahap yang munasabah bagi menjamin pencapaian objektif.
Ada kelemahan	Sesetengah kawalan dikenal pasti mempunyai kelemahan / kurang efisien. Walau bagaimanapun, ianya tidak membawa kepada risiko yang serius. Penambahbaikan diperlukan untuk menjamin pencapaian objektif.
Lemah	Kawalan yang ada tidak memenuhi standard yang boleh diterima kerana wujud banyak kelemahan / tidak efisien. Kawalan tidak dapat memberikan jaminan pencapaian.

Jadual 6: Keberkesanan Kawalan



Jadual 7: Terma Rujukan

BAB 3 CRM MPS 2023-2027

**3.1 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**3.2 TAHAP RISIKO RASUAH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**3.3 DAFTAR RISIKO RASUAH JABATAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**3.4 RINGKASAN PENGURUSAN RISIKO
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

3.1 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Penilaian Risiko Rasuah (*Corruption Risk Assessment*) telah dilaksanakan bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus integriti dan anti rasuah MPS yang boleh menjejaskan imej organisasi. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan oleh MPS bagi menjayakan Pelan CRM adalah :

3.1.1 Pembangunan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengurusan Bil 02 Tahun 2022 yang bertarikh 25 Februari 2022.

3.1.2 Pembangunan deraf Pelan CRM MPS telah dilaksanakan dengan kerjasama Unit Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor menerusi tiga (3) siri latihan adalah seperti berikut:

- i. Taklimat Ringkas Penyediaan Dokumen Pengurusan Risiko Rasuah pada 02 Mac 2022
- ii. Bengkel Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada 07 – 08 Mac 2022
- iii. Bengkel Pemurnian dan Semakan Data CRM MPS pada 18 April 2022

3.2 TAHAP RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

3.2.1 Ringkasan Tahap Risiko Rasuah :

TAHAP RISIKO	JUMLAH RISIKO
Tinggi (High)	29
Ketara (Significant)	24
Sederhana (Moderate)	0
Rendah (Low)	0
JUMLAH	53

3.3 DAFTAR RISIKO RASUAH JABATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	TAHAP RISIKO
1.	Jabatan Perbendaharaan	01	Belip menyalahguna kuasa meminta dan menerima rasuah semasa proses penghantaran waran dan sitaan.	Tinggi <i>High</i>
		02	Pakatan rasuah dalam meluluskan tuntutan palsu melalui invois atau resit oleh jabatan-jabatan	Ketara <i>Significant</i>
		03	Pegawai Unit Bayaran meminta suapan daripada kontraktor/pembekal	Ketara <i>Significant</i>
2.	Jabatan Perundangan	01	Pakatan rasuah dalam mengurangkan atau membatalkan kadar kompaun yang tidak munasabah.	Tinggi <i>High</i>
		02	Pakatan rasuah dalam mempertimbangkan fail saman yang disediakan untuk tindakan pendakwaan di Mahkamah.	Ketara <i>Significant</i>
		03	Pakatan rasuah dalam proses penyerahan saman kepada Orang Kena Saman (OKS)	Ketara <i>Significant</i>
		04	Pakatan rasuah dalam perlantikan Firma Guaman	Ketara <i>Significant</i>
3.	Jabatan Korporat	01	Pakatan rasuah dalam pemilihan pembekal dan membocorkan maklumat tentang spesifikasi (sebut harga) bagi lantikan konsultan dan majlis rasmi	Tinggi <i>High</i>
4.	Jabatan Khidmat Pengurusan	01	Pakatan rasuah dalam pemilihan syarikat untuk pembekalan	Tinggi <i>High</i>
		02	Menerima senarai calon-calon temuduga yang tidak memenuhi keperluan jawatan	Tinggi <i>High</i>
5.	Jabatan Kejuruteraan	01	Pakatan rasuah di antara pegawai dan pemaju serta perunding dalam kelulusan sokongan CCC yang tidak mengikut syarat pelan pembangunan	Tinggi <i>High</i>
		02	Kelulusan Pengesahan Siap Kerja (CPC) tidak mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan	Tinggi <i>High</i>
		03	Pakatan rasuah di antara pegawai dan pembekal dalam pelaksanaan penyelenggaraan	Tinggi <i>High</i>
6.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	01	Pegawai membocorkan maklumat rekod peribadi pemilik akaun Cukai Taksiran untuk kepentingan peribadi	Ketara <i>Significant</i>
		02	Pakatan dalam proses pemilihan penyewa yang tidak memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan	Ketara <i>Significant</i>
		03	Pakatan rasuah dalam melantik syarikat pelabur tanpa mengambilkira keupayaan kewangan dan pengalaman syarikat	Ketara <i>Significant</i>

7.	Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan	01	Pakatan di antara pesalah dan Pegawai penguatkuasa untuk tidak diambil tindakan penguatkuasaan.	Tinggi High
		02	Pakatan di antara pesalah dan Pegawai yang diberi kuasa dan Orang Kena Sita (OKSi) untuk mendapatkan kadar bayaran inventori sitaan.	Tinggi High
8.	Jabatan Pelesenan	01	Menerima rasuah dalam proses penerimaan borang yang tidak lengkap di kaunter	Tinggi High
		02	Menerima rasuah dalam proses kelulusan perniagaan yang tidak mengikut syarat	Tinggi High
		03	Memberi dan menerima rasuah supaya tindakan penguatkuasaan tidak diambil bagi premis yang tidak patuh syarat lesen	Tinggi High
9.	Jabatan Perancang Bandar	01	Meminta dan menerima rasuah sebagai balasan untuk kelulusan kebenaran merancang	Tinggi High
		02	Pakatan rasuah untuk tidak melaksanakan tindakan penguatkuasaan	Tinggi High
		03	Meminta rasuah bagi proses kelulusan permohonan permit Papan Iklan (<i>billboard</i>) dan Menara Komunikasi	Ketara Significant
10.	Jabatan Bangunan	01	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa diantara pegawai, perunding dan orang awam dalam proses permohonan kelulusan pelan dan permit	Tinggi High
		02	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa diantara pegawai, perunding dan pemilik bangunan dalam laporan pemantauan tapak	Tinggi High
		03	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa diantara pegawai dan pemilik bangunan dalam menutup kesalahan pembinaan di tapak	Tinggi High
		04	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa dalam menutup kesalahan dan melengah-lengahkan proses tindakan penguatkuasaan di tapak	Ketara Significant
11.	Jabatan Landskap	01	Pakatan dalam menukar atau mengurangkan spesifikasi kontrak tanpa kebenaran	Ketara Significant
		02	Pakatan pengabaian terhadap ketidakpatuhan spesifikasi penyelenggaraan dan syarat-syarat kontrak	Ketara Significant
		03	Pegawai menerima/meminta Pengesyoran kelulusan bagi permohonan yang tidak mematuhi garis panduan	Ketara Significant
12.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan	01	Pegawai meminta suapan untuk mengubah laporan supaya perkara yang diadakan tidak dikenakan tindakan sewajarnya.	Tinggi High
		02	Pegawai berunding dengan Orang Kena Kompaun (OKK) untuk mengeluarkan kompaun secara pilihan	Tinggi High
		03	Terdapat kepentingan apabila berurusan dengan mana-mana individu atau pihak luar	Tinggi High

13.	Jabatan Pembangunan Masyarakat	01	Pegawai menyalahguna wang tunai yang diterima bagi melaksanakan program / aktiviti dengan mengemukakan tuntutan palsu semasa menghantar laporan akhir perbelanjaan tunai	Ketara Significant
		02	Pegawai menyalahguna kuasa dalam pemilihan pembekal	Ketara Significant
		03	Pakatan diantara pegawai dan Ahli Majlis dalam mengemukakan tuntutan palsu kepada jabatan untuk proses bayaran	Ketara Significant
14.	Jabatan Audit Dalam	01	Tidak melaporkan penemuan Audit	Ketara Significant
		02	Menukar laporan audit	Ketara Significant
15.	Jabatan Teknologi Maklumat	01	Pakatan antara pembekal dengan pegawai untuk pembelian peralatan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi	Ketara Significant
		02	Pakatan dengan pihak ketiga bagi tujuan pencerobohan sistem, rangkaian dan pangkalan data	Ketara Significant
16.	Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan	01	Pakatan rasuah dalam membocorkan maklumat bagi perolehan tender dan sebutharga bagi perolehan kerja perkhidmatan dan bekalan.	Tinggi High
		02	Pakatan rasuah antara pegawai dengan kontraktor dan pembekal untuk meluluskan dokumen yang tidak lengkap	Tinggi High
		03	Pakatan rasuah antara pegawai dengan kontraktor dan pembekal untuk menerima dokumen tawaran yang lewat dikemukakan	Tinggi High
17.	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	01	Pakatan dalam melantik ejen pengurusan yang tidak kompeten untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan bagi kawasan skim berstrata	Tinggi High
		02	Pakatan dalam mengesahkan ahli jawatankuasa badan pengurusan bagi ahli yang tidak layak berdasarkan syarat kelayakan.	Tinggi High
		03	Pakatan dalam menyalahguna kuasa untuk tidak mengambil tindakan sewajarnya dalam melaksanakan tugas pengawasan badan pengurusan skim pemajuan berstrata.	Tinggi High
		04	Pakatan dalam mempercepatkan proses tandatangan untuk tujuan pemfailan jadual petak oleh COB	Tinggi High
18.	Jabatan Pusat Setempat	01	Pakatan rasuah dalam memastikan sesuatu permohonan yang tidak lengkap diterima dan diproses	Ketara Significant
		02	Menerima dan memproses sesuatu permohonan tanpa mengikut kaedah temujanji di kaunter serahan sebagai balasan rasuah yang diterima.	Tinggi High
		03	Pakatan rasuah bagi mengubah keputusan sesuatu permohonan selepas minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (MJKOSC) dimuktamadkan	Ketara Significant
19.	Bahagian Urus Setia	01	Membocorkan dan menyalurkan maklumat sulit berkaitan perbincangan dan keputusan mesyuarat jawatankuasa	Ketara Significant
20.	Unit Integriti	01	Tidak melaporkan penemuan kesalahan rasuah/salah gunakuasa/penyelewengan	Ketara Significant

3.4 RINGKASAN PENGURUSAN RISIKO MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KAWALAN KEBERKESANAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
JABATAN PERBENDAHARAAN	01	Belip menyalahguna kuasa meminta dan menerima rasuah semasa proses penghantaran waran dan sitaan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Pakatan rasuah dalam meluluskan tuntutan palsu melalui invoice atau resit oleh jabatan-jabatan	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	03	Pegawai Unit Bayaran meminta suapan daripada kontraktor/pembekal	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
JABATAN PERUNDANGAN	01	Pakatan rasuah dalam membatalkan atau mengurangkan kadar kompaun yang tidak munasabah	Ada Kelemahan	Major	Almost Certain	High	Reduce	Major	Moderate	Significant
	02	Pakatan rasuah dalam mempertimbangkan fail saman yang disediakan untuk tindakan pendakwaan di Mahkamah	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	03	Pakatan rasuah dalam proses penyerahan saman kepada Orang Kena Saman (OKS)	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	04	Pakatan Rasuah Dalam Perlantikan Firma Guaman	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
JABATAN KORPRAT	01	Pakatan rasuah dalam pemilihan pembekal dan membocorkan maklumat tentang spesifikasi (sebut harga) bagi lantikan konsultant dan majlis rasmi	Ada Kelemahan	Major	Almost Certain	High	Reduce	Major	Moderate	Significant

JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KEBERKESANAN KAWALAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
Khidmat Pengurusan	01	Pakatan rasuah dalam pemilihan syarikat untuk pembekalan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Menerima senarai calon-calon temuduga yang tidak memenuhi keperluan jawatan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
Jabatan Kejuruteraan	01	Pakatan rasuah di antara pegawai dan pemaju serta perunding dalam kelulusan sokongan CCC yang tidak mengikut syarat pelan pembangunan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Kelulusan Pengesahan Siap Kerja (CPC) tidak mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	03	Pakatan rasuah di antara pegawai dan pembekal dalam pelaksanaan penyelenggaraan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	01	Pegawai membocorkan maklumat rekod peribadi pemilik akaun Cukai Taksiran untuk kepentingan peribadi	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	02	Pakatan dalam proses pemilihan penyewa yang tidak memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	03	Pakatan rasuah dalam melantik syarikat pelabur tanpa mengambilkira keupayaan kewangan dan pengalaman syarikat	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant



JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KEBERKESANAN KAWALAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN	01	Pakatan di antara pesalah dan Pegawai penguatkuasa untuk tidak diambil tindakan penguatkuasaan.	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Pakatan di antara pesalah dan Pegawai yang diberi kuasa dan Orang Kena Sita (OKSi) untuk mendapatkan kadar bayaran inventori sitaan.	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
JABATAN PELESENAN	01	Menerima rasuah dalam proses penerimaan borang yang tidak lengkap di kaunter	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Menerima rasuah dalam proses meluluskan lesen perniagaan tanpa mengikut syarat yang ditetapkan.	Ada Kelemahan	Major	Almost Certain	High	Reduce	Major	Moderate	High
	03	Menerima rasuah supaya tindakan penguatkuasaan tidak diambil bagi premis yang tidak patuh syarat lesen	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
JABATAN PERANCANG BANDAR	01	Meminta dan menerima rasuah sebagai balasan untuk kelulusan kebenaran merancang.	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Pakatan rasuah untuk tidak melaksanakan tindakan penguatkuasaan.	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	03	Meminta rasuah bagi proses kelulusan permohonan permit Papan Iklan (billboard) dan Menara Komunikasi	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant

JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KEBERKESANAN KAWALAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
JABATAN BANGUNAN	01	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa diantara pegawai, perunding dan orang awam dalam proses permohonan kelulusan pelan dan permit	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Moderate	High
	02	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa diantara pegawai, perunding dan pemilik bangunan dalam laporan pemantauan tapak	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Moderate	High
	03	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa diantara pegawai dan pemilik bangunan dalam menutup kesalahan pembinaan di tapak	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Moderate	High
	04	Pakatan rasuah dan salahguna kuasa dalam menutup kesalahan dan melengahkan proses tindakan penguatkuasaan di tapak	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
JABATAN LANDSKAP	01	Pakatan dalam menukar atau mengurangkan spesifikasi kontrak tanpa kebenaran	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	02	Pakatan pengabaian terhadap ketidakpatuhan spesifikasi penyenggaraan dan syarat-syarat kontrak	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	03	Pegawai menerima/meminta Pengesyoran kelulusan bagi permohonan yang tidak mematuhi garis panduan	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant



JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KEBERKESANAN KAWALAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAJ DAN KESIHATAN	01	Pegawai meminta suapan untuk mengubah laporan supaya perkara yang diadakan tidak dikenakan tindakan sewajarnya.	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Pegawai berunding dengan Orang Kena Kampaun (OKK) untuk mengeluarkan kampaun secara pilihan	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	03	Terdapat kepentingan apabila berurusan dengan mana-mana individu atau pihak luar.	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Rare	Significant
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	01	Pegawai menyalahguna wang tunai yang diterima bagi melaksanakan program / aktiviti dengan mengemukakan tuntutan palsu semasa menghantar laporan akhir perbelanjaan tunai	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	02	Pegawai menyalahguna kuasa dalam pemilihan pembekal	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	03	Pakatan diantara pegawai dan Ahli Majlis dalam mengemukakan tuntutan palsu kepada jabatan untuk proses bayaran	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
AUDIT DALAM	01	Tidak melaporkan penemuan Audit.	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	02	Menukar laporan audit	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant

JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KEBERKESANAN KAWALAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	01	Pakatan antara pembekal dengan pegawai untuk pembelian peralatan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	02	Pakatan dengan pihak ketiga bagi tujuan pencerobohan sistem, rangkaian dan pangkalan data	Ada Kelemaha	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN	01	Pakatan rasuah dalam membocorkan maklumat bagi perolehan tender dan sebutharga bagi perolehan kerja perkhidmatan dan bekalan.	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Pakatan rasuah antara pegawai dengan kontraktor dan pembekal untuk meluluskan dokumen yang tidak lengkap.	Ada Kelemaha	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	03	Pakatan rasuah antara pegawai dengan kontraktor dan pembekal untuk menerima dokumen tawaran yang lewat dikemukakan.	Ada Kelemahan	Major	Likely	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN	01	Pakatan dalam melantik ejen pengurusan yang tidak kompeten untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan bagi kawasan skim berstrata	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	02	Pakatan dalam mengesahkan ahli jawatankuasa badan pengurusan bagi ahli yang tidak layak berdasarkan syarat kelayakan.	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	03	Pakatan dalam menyalahgunakuasa untuk tidak mengambil tindakan sewajarnya dalam melaksanakan tugas pengawasan badan pengurusan skim pemajuan berstrata	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	04	Pakatan dalam mempercepatkan proses tandatangan untuk tujuan pemfailan Jadual petak oleh COB	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant

BAB 4 PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH BAGI SETIAP JABATAN /BAHAGIAN/UNIT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN	RISIKO ID	RISIKO	KEBERKESANAN KAWALAN SEDIA ADA	KAWALAN SEDIA ADA			STRATEGI RAWATAN	KAWALAN TAMBAHAN (SASARAN)		
				IMPAK	KEBARANG-KALIAN	BAKI TAHAP RISIKO		IMPAK	KEBARANGK ALIAN	BAKI TAHAP RISIKO
JABATAN PUSAT SETEMPAT	01	Pakatan rasuah dalam memastikan sesuatu permohonan yang tidak lengkap diterima dan diproses.	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant
	02	Menerima dan memproses sesuatu permohonan tanpa mengikut kaedah temujanji di kaunter serahan sebagai balasan rasuah yang diterima.	Ada Kelemahan	Major	Moderate	High	Reduce	Major	Unlikely	Significant
	03	Pakatan rasuah bagi mengubah keputusan sesuatu permohonan selepas minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (MJKOSC) dimuktamadkan.	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Minor	Rare	Significant
BAHAGIAN URUS SETIA	01	Memبocorkan dan menyalurkan maklumat sulit berkaitan perbincangan dan keputusan mesyuarat jawatankuasa	Ada Kelemahan	Minor	Unlikely	Significant	Reduce	Minor	Rare	Significant
UNIT INTEGRITI	01	Tidak melaporkan penemuan kesalahan rasuah/salah guna kuasa/ penyelewengan	Ada Kelemahan	Major	Unlikely	Significant	Reduce	Major	Rare	Significant

RINGKASAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

JABATAN PERBENDAHARAAN					
Risiko Id	Aktiviti/proses Kerja Utama Dan Bidang Risiko Rasuah	Pelan Pengurusan Risiko Rasuah	TOR	Tanggungjawab	Sasaran tarikh Pelan Tindakan Terperinci
01	Kutipan Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Belip menyalahguna kuasa meminta dan menerima rasuah semasa proses penghantaran waran dan sitaan.	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan platform portal semakan dan bayaran secara online Meningkatkan penyeliaan laporan harian penghantaran waran dan sitaan. Mewujudkan Latihan Pendedahan Rasuah dan Impak Rasuah di kalangan Kakitangan Unit Waran dan Task Force 	<p>2</p> <p>5</p> <p>5</p>	<p>Jabatan Perbendaharaan</p> <p>Jabatan Perbendaharaan</p> <p>Unit Integriti & Jabatan Khidmat Pengurusan</p>	<p>Januari 2023</p> <p>Januari 2023</p> <p>Januari 2023</p>
02	Proses Pembayaran Tuntutan Tanpa Pesanan Tempatan (L.O) Pakatan Rasuah dalam meluluskan tuntutan palsu melalui invoice atau resit oleh jabatan-jabatan	<ol style="list-style-type: none"> Penggiliran Tugas Setiap 3 tahun Latihan Integriti dan Pencegahan Rasuah. 	<p>5</p> <p>5</p>	<p>Jabatan Perbendaharaan</p> <p>Unit Integriti & Jabatan Khidmat Pengurusan</p>	<p>Januari 2023</p> <p>Januari 2023</p>
